



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 4, Issue 5, September 2019

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocalsciences.com

Hubungan Antara Gaya Pembelajaran dan Motivasi Intrinsik dalam Mata Pelajaran Sejarah

M. Kaviza¹

¹Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Correspondence: M. Kaviza (kavizakaviza@yahoo.com)

Abstrak

Kajian tinjauan secara korelasi ini bertujuan untuk menentukan hubungan antara gaya pembelajaran dan motivasi intrinsik dalam mata pelajaran sejarah. Seramai 521 orang murid Tingkatan Empat dari sekolah menengah harian di sebuah negeri di utara Semenanjung Malaysia yang dipilih melalui teknik persampelan rawak mudah terlibat sebagai sampel kajian dalam kajian ini. Instrumen kajian ini merupakan soal selidik *Perceptual Learning Style Preferences Questionnaire* dan *Intrinsic Motivation Inventory* yang diadaptasi dan disahkan oleh pakar penilai serta mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik. Data kajian ini dianalisis secara statistik inferensi iaitu ujian korelasi Pearson. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang linear positif yang amat tinggi secara signifikan antara gaya pembelajaran dan motivasi intrinsik, di samping keenam-enam jenis gaya pembelajaran tersebut juga menunjukkan terdapat hubungan linear positif yang tinggi secara signifikan dengan motivasi intrinsik. Kajian ini memberi implikasi bahawa gaya pembelajaran dan motivasi intrinsik merupakan elemen penting yang perlu ditekankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah.

Kata kunci: gaya pembelajaran, motivasi intrinsik, mata pelajaran sejarah

Relationship Between Learning Style and Intrinsic Motivation in History Subjects

Abstract

The correlation study aims to determine the relationship between learning styles and intrinsic motivation in history subjects. A total of 521 form four student's from a secondary school in a state in the north of Peninsular Malaysia were selected via random sampling technique as sample in this study. The adapted *Perceptual Learning Style Questionnaire* and the *Intrinsic Motivation Inventory* are use in this study as research instrument which has been validated by content expert matter and has a good reliability value. The data of this study were analyzed inference statistic using Pearson correlation. The findings showed that there is a very high positive linear correlation between the learning style and intrinsic motivation, as well as the six types of learning styles also showed a significant positive linear relationship with intrinsic motivation. This study suggested that learning style and intrinsic motivation are important elements that need to be emphasized in the history teaching and learning process.

Keywords: learning style, intrinsic motivation, history subject

Pengenalan

Berdasarkan prinsip Falsafah Pendidikan Negara yang menjelaskan pendidikan di Malaysia merupakan suatu usaha yang berterusan bagi meningkatkan akademik murid dengan berteraskan konsep keseimbangan dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003), maka pembentukkan kepelbagaian kemahiran yang menyeluruh dan bersepadu bagi melahirkan murid-murid yang bertrampilan dan berdaya saing pada peringkat global adalah disarankan dalam kurikulum. Penekanan ini turut digariskan dalam mata pelajaran sejarah yang bermatlamat untuk memberi kefahaman mengenai masyarakat, negara Malaysia dan dunia (PPK, 2003; 2015). Sungguhpun begitu, bagi mencapai matlamat tersebut, guru-guru memainkan peranan penting dalam meningkatkan keupayaan kemahiran dan pengetahuan dengan memupuk minda kelas pertama dalam kalangan murid melalui pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Hal ini kerana proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan dengan baik, menarik, produktif dan cekap adalah melibatkan aplikasi aspek gaya pembelajaran dan motivasi intrinsik dalam kalangan murid. Adalah wajar kepada seseorang guru untuk merancang dan memastikan proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan dengan berkesan di dalam kelas adalah mengambil kira kefahaman tentang konsep gaya pembelajaran yang diamalkan oleh murid bagi mendorong mereka untuk memilih pendekatan yang bersesuaian dalam pengajaran bagi meningkatkan motivasi intrinsik yang tinggi secara berterusan dalam diri murid (Noriati, Boon & Sharifah, 2009; Baharom Mohamad & Ihyaa Hashim, 2010). Perkara ini bertepatan dengan konsep yang diberikan dalam konteks psikologi pendidikan yang telah mendefinisikan gaya pembelajaran sebagai cara seseorang murid memberi tumpuan dan mempamerkan tindakan untuk menerima ilmu dan pengalaman baru disebabkan mereka mempunyai gaya pembelajaran tersendiri (Mok, 2008). Sebagai contohnya, ada murid yang suka belajar dengan secara diri sendiri, ada murid yang suka belajar secara kumpulan, ada murid juga yang suka belajar secara penerangan, manakala ada juga murid yang suka belajar secara pemerhatian, kajian atau rujukan bahan dalam keadaan sunyi dan tenang atau yang sebaliknya.

Sehubungan dengan itu, adalah tidak disangkal bahawa permasalahan dalam pendidikan sejarah yang sering diutarakan oleh guru-guru adalah kebanyakan murid didapati tidak bermotivasi dengan proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah yang telah menimbulkan tanggapan negatif bahawa mata pelajaran sejarah adalah membosankan (Hazri Jamil, 2003; Omardin Haji Ashaari & Yunus Muhammad, 1996). Permasalahan ini adalah bertepatan dengan dapatan kajian Kaviza, (2019) yang telah melaporkan bahawa tahap motivasi intrinsik bagi murid-murid Tingkatan Empat yang mengambil mata pelajaran sejarah berada pada tahap sederhana walaupun mata pelajaran tersebut merupakan mata pelajaran penting pada peringkat sekolah menengah dan peperiksaan pada peringkat kebangsaan. Hal ini kerana motivasi intrinsik dapat diwujudkan secara semula jadi daripada rangsangan dalaman seperti dorongan dan minat seseorang murid untuk melakukan sesuatu aktiviti tanpa berharap sebarang pengajaran. Walaupun motivasi intrinsik dapat diwujudkan secara semulajadi, namun Bruner (1961) dalam bukunya *Toward A Theory Of Instruction* telah mengaitkan motivasi intrinsik ini dengan naluri ingin tahu dan dorongan untuk mencapai kecekapan yang dapat dibentuk melalui pembelajaran dan pengalaman yang dapat memberikan kepuasan kepada murid. Situasi ini telah memaparkan bahawa motivasi intrinsik merupakan penggerak penting dalam diri murid untuk memperoleh sesuatu kekuatan dan keinginan bagi mencapai kecemerlangan dalam akademik dan sekaligus dalam kehidupan mereka (Mok, 2008; Woolfolk, 2006). Hal ini kerana motivasi yang baik dapat menggalakkan seseorang murid itu untuk belajar dengan dorongan diri sendiri secara berterusan dengan bantuan bimbingan daripada guru secara arahan sendiri.

Walaubagaimanapun, berdasarkan tinjauan literatur yang dijalankan oleh pengkaji telah mendapati bahawa tahap peningkatan dan kemerosotan motivasi intrinsik dalam kalangan murid adalah dipengaruhi oleh aspek demografi, sikap, kesediaan belajar, kemahiran berfikir, kecerdasan, kaedah pengajaran dan sebagainya (Kaviza, Fauziah Abdul Rahim & Nurliyana Bukhari, 2018; Anni Azizah, Maskum & Suparman Arif, 2018; Jane, 2016; Sivapakkiam Ramasamy, Fadzilah Abdul Rahman, Umi Kalthom, Abdul Manaf & Rozita Rodhiah, 2018; Mohd Uzir Zubir, Rohaidah Kamaruddin & Sharil Nizam Sha'ri, 2018), namun sejauh manakah aspek gaya pembelajaran yang merujuk kepada cara belajar seseorang murid yang berbeza-beza dapat mempengaruhi pemupukan motivasi intrinsik yang berkesan dalam kalangan murid masih belum diketahui lagi. Tambahan pula, masih terdapat sebilangan

guru-guru juga yang tidak mengetahui apakah jenis-jenis gaya pembelajaran yang anak murid mereka amalkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran bagi membolehkan suasana pembelajaran yang fleksibel dan dinamik dapat dibentuk. Justeru, terdapat satu keperluan dalam kajian ini untuk menentukan sama ada terdapat hubungan antara gaya pembelajaran dan motivasi intrinsik dalam mata pelajaran sejarah dari perspektif murid.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

Menentukan sama ada terdapat hubungan antara gaya pembelajaran (gaya visual, auditori, taktil, kinestetik, bersendirian dan berkumpulan) dengan motivasi intrinsik

Soalan Kajian

Soalan kajian ini ialah

Adakah terdapat hubungan antara gaya pembelajaran (gaya visual, auditori, taktil, kinestetik, bersendirian dan berkumpulan) dengan motivasi intrinsik?

Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini ialah:

- H_{o1}: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan motivasi intrinsik.
- H_{o1a}: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya visual dengan motivasi intrinsik
- H_{o1b}: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya auditori dengan motivasi intrinsik
- H_{o1c}: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya taktil dengan motivasi intrinsik
- H_{o1d}: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kinestetik dengan motivasi intrinsik
- H_{o1e}: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya bersendirian dengan motivasi intrinsik
- H_{o1f}: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya berkumpulan dengan motivasi intrinsik

Metod Kajian

Kajian ini dijalankan secara tinjauan yang menggunakan reka bentuk kajian korelasi (Cresswell, 2014). Kaedah kajian ini adalah bersesuaian dengan tujuan kajian ini untuk menentukan hubungan antara gaya pembelajaran dan motivasi intrinsik dalam kalangan murid. Populasi kajian ini terdiri daripada murid-murid Tingkatan Empat yang mengambil mata pelajaran sejarah daripada 23 buah sekolah menengah harian di sebuah negeri di utara Semenanjung Malaysia yang dipilih dengan menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Pengkaji telah menghantar 30 set soal selidik ke setiap sekolah di negeri tersebut, namun jumlah sampel yang diperolehi dalam kajian ini adalah melebihi bilangan sampel yang diperlukan berdasarkan jadual penentuan saiz sampel kajian yang dikemukakan oleh Krejcie dan Morgan, (1970). Instrumen kajian ini terdiri daripada soal selidik *Perceptual Learning Style Preferences Questionnaire (PLSPQ)* (Reid, 1984) dan soal selidik *Intrinsic Motivation Inventory* (Deci & Ryan, 1985) yang telah diadaptasi dan telah disahkan oleh dua orang pakar penilai dalam bidang pendidikan sejarah yang berpengalaman melebihi 10 tahun serta mempunyai nilai kebolehpercayaan *Alfa Cronbach* iaitu 0.93 bagi soal selidik *Perceptual Learning Style Preferences Questionnaire* dan nilai 0.96 bagi soal selidik *Intrinsic Motivation Inventory* yang dianggap baik oleh Nunnally, (1978). Data kuantitatif dalam kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan perisian *IBM SPSS* versi 24 secara statistik inferensi iaitu ujian korelasi *Pearson*. Interpretasi kekuatan korelasi dalam kajian ini dilakukan berdasarkan interpretasi daripada kajian Davies, (1971) seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Kekuatan Korelasi

Skor Min	Tahap
0.70 – 1.00	Amat tinggi
0.50 - 0.69	Tinggi
0.30 – 0.49	Sederhana tinggi
0.10 - 0.29	Rendah
0.00-0.09	Diabaikan

Sumber: Adaptasi daripada Davies, (1971)

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan motivasi intrinsik

Berdasarkan Jadual 2, dapatan kajian ini telah melaporkan bahawa nilai keofisien korelasi *Pearson* antara min gaya pembelajaran [$r=-0.74$, $p=0.00$] motivasi intrinsik adalah signifikan. Oleh itu, terdapat hubungan linear positif yang amat tinggi secara signifikan antara min gaya pembelajaran terhadap motivasi intrinsik. Maka, H_{01} telah berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya pembelajaran terhadap motivasi intrinsik dalam kalangan murid. Perkara ini menerangkan bahawa sekiranya kecenderungan gaya pembelajaran adalah tinggi dalam kalangan murid, maka motivasi intrinsik dalam kalangan murid juga adalah tinggi.

Jadual 2: Korelasi Min Gaya Pembelajaran dengan Motivasi Intrinsik

		Motivasi Intrinsik
Gaya Pembelajaran	<i>Pearson Correlation</i>	0.74**
	<i>Sig</i>	0.00
	N	521

** *Correlation is significant at the 0.05 level*

(a) Terdapat hubungan yang signifikan antara gaya visual dengan motivasi intrinsik

Berdasarkan Jadual 3, dapatan kajian ini telah melaporkan bahawa nilai keofisien korelasi *Pearson* antara min gaya visual [$r=0.69$, $p=0.00$] motivasi intrinsik adalah signifikan. Oleh itu, terdapat hubungan linear positif yang tinggi secara signifikan antara min gaya visual terhadap motivasi intrinsik. Maka, H_{01a} telah berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya visual terhadap motivasi intrinsik dalam kalangan murid. Perkara ini menerangkan bahawa sekiranya kecenderungan gaya visual adalah tinggi dalam kalangan murid, maka motivasi intrinsik dalam kalangan murid juga adalah tinggi.

Jadual 3: Korelasi Min Gaya Visual dengan Motivasi Intrinsik

		Motivasi Intrinsik
Gaya Visual	<i>Pearson Correlation</i>	0.69**
	<i>Sig</i>	0.00
	N	521

** *Correlation is significant at the 0.05 level*

(b) Terdapat hubungan yang signifikan antara gaya auditori dengan motivasi intrinsik

Berdasarkan Jadual 4, dapatan kajian ini telah melaporkan bahawa nilai keofisien korelasi *Pearson* antara min gaya auditori [$r=0.67$, $p=0.00$] motivasi intrinsik adalah signifikan. Oleh itu, terdapat hubungan linear positif yang tinggi secara signifikan antara min gaya auditori terhadap motivasi intrinsik. Maka, H_{01b} telah berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya auditori terhadap motivasi intinsik dalam kalangan murid. Perkara ini menerangkan bahawa sekiranya kecenderungan gaya auditori adalah tinggi dalam kalangan murid, maka motivasi intrinsik dalam kalangan murid juga adalah tinggi.

Jadual 4: Korelasi Min Gaya Auditori dengan Motivasi Intrinsik

		Motivasi Intrinsik
Gaya Auditori	<i>Pearson Correlation</i>	0.67**
	<i>Sig</i>	0.00
	N	521

** *Correlation is significant at the 0.05 level*

(c) Terdapat hubungan yang signifikan antara gaya taktil dengan motivasi intrinsik

Berdasarkan Jadual 5, dapatan kajian ini telah melaporkan bahawa nilai keofisien korelasi *Pearson* antara min gaya taktil [$r=0.66$, $p=0.00$] motivasi intrinsik adalah signifikan. Oleh itu, terdapat hubungan linear positif yang tinggi secara signifikan antara min gaya taktil terhadap motivasi intrinsik. Maka, H_{01c} telah berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya taktil terhadap motivasi intinsik dalam kalangan murid. Perkara ini menerangkan bahawa sekiranya kecenderungan gaya taktil adalah tinggi dalam kalangan murid, maka motivasi intrinsik dalam kalangan murid juga adalah tinggi.

Jadual 5: Korelasi Min Gaya Taktil dengan Motivasi Intrinsik

		Motivasi Intrinsik
Gaya Taktil	<i>Pearson Correlation</i>	0.66**
	<i>Sig</i>	0.00
	N	521

** *Correlation is significant at the 0.05 level*

(d) Terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kinestetik dengan motivasi intrinsik

Berdasarkan Jadual 6, dapatan kajian ini telah melaporkan bahawa nilai keofisien korelasi *Pearson* antara min gaya kinestetik [$r=0.67$, $p=0.00$] motivasi intrinsik adalah signifikan. Oleh itu, terdapat hubungan linear positif yang tinggi secara signifikan antara min gaya kinestetik terhadap motivasi intrinsik. Maka, H_{01d} telah berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya kinestetik terhadap motivasi intinsik dalam kalangan murid. Perkara ini menerangkan bahawa sekiranya kecenderungan gaya kinestetik adalah tinggi dalam kalangan murid, maka motivasi intrinsik dalam kalangan murid juga adalah tinggi.

Jadual 6: Korelasi Min Gaya Kinestetik dengan Motivasi Intrinsik

		Motivasi Intrinsik
Gaya Kinestetik	<i>Pearson Correlation</i>	0.67**
	<i>Sig</i>	0.00
	N	521

** Correlation is significant at the 0.05 level

(e) Terdapat hubungan yang signifikan antara gaya bersendirian dengan motivasi intrinsik

Berdasarkan Jadual 7, dapatan kajian ini telah melaporkan bahawa nilai keofisien korelasi *Pearson* antara min gaya bersendirian [$r=0.68$, $p=0.00$] motivasi intrinsik adalah signifikan. Oleh itu, terdapat hubungan linear positif yang tinggi secara signifikan antara min gaya bersendirian terhadap motivasi intrinsik. Maka, H_{01e} telah berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya bersendirian terhadap motivasi intinsik dalam kalangan murid. Perkara ini menerangkan bahawa sekiranya kecenderungan gaya bersendirian adalah tinggi dalam kalangan murid, maka motivasi intrinsik dalam kalangan murid juga adalah tinggi.

Jadual 7: Korelasi Min Gaya Bersendirian dengan Motivasi Intrinsik

		Motivasi Instrinsik
Gaya Bersendirian	<i>Pearson Correlation</i>	0.68**
	<i>Sig</i>	0.00
	<i>N</i>	521

** Correlation is significant at the 0.05 level

(f) Terdapat hubungan yang signifikan antara gaya berkumpulan dengan motivasi intrinsik

Berdasarkan Jadual 8, dapatan kajian ini telah melaporkan bahawa nilai keofisien korelasi *Pearson* antara min gaya a berkumpulan [$r=0.67$, $p=0.00$] motivasi intrinsik adalah signifikan. Oleh itu, terdapat hubungan linear positif yang tinggi secara signifikan antara min gaya berkumpulan terhadap motivasi intrinsik. Maka, H_{01f} telah berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya berkumpulan terhadap motivasi intinsik dalam kalangan murid. Perkara ini menerangkan bahawa sekiranya kecenderungan gaya berkumpulan adalah tinggi dalam kalangan murid, maka motivasi intrinsik dalam kalangan murid juga adalah tinggi.

Jadual 8: Korelasi Min Gaya Berkumpulan dengan Motivasi Intrinsik

		Motivasi Instrinsik
Gaya Berkumpulan	<i>Pearson Correlation</i>	0.67**
	<i>Sig</i>	0.00
	<i>N</i>	521

** Correlation is significant at the 0.05 level

Perbincangan Kajian

Dapatan kajian ini yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan linear positif yang amat tinggi secara signifikan antara gaya pembelajaran dan motivasi intrinsik dalam mata pelajaran sejarah adalah selari dengan dapatan kajian Kamarul Azmi Jasmi dan Zaharuzzaman Sulaiman, (2018) yang dijalankan secara kajian kes yang melibatkan 108 orang murid di Pusat Pendidikan Islam Andalus, Singapura yang telah melaporkan bahawa terdapat hubungan yang kuat secara signifikan antara gaya pembelajaran dan motivasi murid serta kajian dapatan kajian Azrul Mahfurdz dan Saifudin Semail, (2009) yang juga telah melaporkan bahawa terdapat hubungan yang sederhana kuat secara signifikan antara gaya pembelajaran dan motivasi dalam kalangan seramai 297 orang murid semester satu yang mengambil kursus kejuruteraan di Politeknik Mukah, Sarawak melalui Modul Matematik Kejuruteraan. Kedua-dua dapatan kajian ini adalah bertepatan dengan perkaitan antara konsep gaya pembelajaran dan motivasi intrinsik yang dirujuk sebagai proses dalaman yang menimbulkan perubahan tingkah laku yang wujud daripada sifat naluri ingin tahu, kecekapan dan kepuasan dalam proses pembelajaran berdasarkan cara pembelajaran yang digunakan (Mok, 2008; Baharom Mohamad dan Ihyaa Hashim,

2010). Sungguhpun begitu, dari segi jenis-jenis gaya pembelajaran iaitu gaya visual, gaya auditori, gaya taktil, gaya kinestetik, gaya bersendirian dan gaya berkumpulan yang juga menunjukkan terdapat hubungan linear positif yang tinggi secara signifikan dengan motivasi intrinsik dalam kajian ini adalah konsisten dengan dapatan kajian Norlia Abd. Aziz, T.Subahan M.Meerah, Lilia Halim dan Kamisah Osman, (2006) yang telah melaporkan bahawa gaya pembelajaran mendalam, gigih usaha dan terancang berdasarkan gaya pembelajaran Selmes, namun dapatan kajian tersebut telah melaporkan bahawa hanya gaya mendalam sahaja yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan motivasi dalaman serta gaya permukaan pula didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan motivasi luaran dalam kalangan murid Tingkatan Empat yang mengambil mata pelajaran Matematik Tambahan. Justeru, dapat disimpulkan bahawa gaya pembelajaran yang memfokuskan kepada perbezaan, kepelbagaian dan perspektif ciri diri yang berbeza-beza yang dimiliki oleh murid dapat meningkatkan unsur berdikari, persaingan, kerja berkualiti, usaha gigih dan stail pembelajaran yang terancang, di samping menjana dorongan dalaman untuk belajar dengan lebih berkesan.

Kesimpulan

Kesimpulannya, dapatan kajian ini telah melaporkan bahawa gaya pembelajaran dan motivasi instrinsik mempunyai hubungan yang tinggi secara signifikan yang tinggi yang telah merumuskan bahawa kedua-dua aspek tersebut adalah saling berkait dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah. Justeru, guru-guru sejarah memainkan peranan penting dalam memahami jenis gaya pembelajaran yang diamalkan oleh murid bagi membolehkan kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan diri murid untuk meningkatkan minat dan motivasi dalam proses pembelajaran dapat dilakukan, di samping murid-murid juga adalah disarankan untuk mengetahui jenis gaya pembelajaran yang mereka amalkan bagi mencapai proses pembelajaran yang efektif. Oleh itu, semua pihak perlu berkerjasama untuk memberi dorongan dan galakkan dengan menyediakan kemudahan dan persekitaran pembelajaran yang memudahkan murid-murid untuk belajar dengan lebih selesa. Sungguhpun begitu, kajian lanjutan dengan memfokuskan kepada faktor-faktor lain adalah dicadangkan bagi memastikan suatu gambaran yang lengkap dapat diperoleh dalam konteks pendidikan sejarah pada peringkat nasional dan antarabangsa.

Rujukan

- Anni Azizah, Maskum & Suparman Arif. (2018). Pengaruh Motivasi Intrinsik terhadap hasil belajar sejarah kelas XI IPS SAMAN 1 Simpang Permatang. *PESAGI: Jurnal Pendidikan dan Penelitian Sejarah*, 6(1), 1-12.
- Azrul Mahfurdz & Saifuddin Semail. (2009). Hubungan Gaya Pembelajaran, Motivasi dan Pencapaian Pelajar Semester Satu dalam Modul Matematik Kejuruteraan. *Jurnal Digest Politeknik & Kolej Komuniti Zon Sarawak*, 1-10.
- Baharom Mohamad & Ihyaa Hashim. (2010). *Gaya pengajaran & pembelajaran*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Bruner. (1966). *Toward a theory of instruction*. Newton: New York.
- Creswell, J.W. (2014). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (4th Ed). United States: Pearson International.
- Davies, J. A. (1971). *Elementary Survey Analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Deci, E. L. & Ryan, R. M. (1985). *Intrinsic Motivation and Self-Determination of Human Behavior*. New York: Plenum.
- Hazri Jamil. (2003). *Teknik mengajar Sejarah*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Jane, R. K. (2016). Investigating the interrelation between attitudes, learning readiness and learning styles under virtual learning environment: A study among Indian students. *Journal Behaviour & Information Technology*, 35(11), 946-957.
- Kamaruddin Illias, Roshidah Abdul Rahman, Mubin Md Noor & Nurul Azwa Saidon. (2010). Pengaruh Gaya pembelajaran terhadap motivasi dan pencapaian akademik pelajar pra Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 2, 141-153.

- Kamarul Azmi Jasmi & Zaharuzzaman Sulaiman. (2018). Kajian kes penggunaan gaya pembelajaran pelajar pusat pendidikan Islam Andalus, Singapura. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 2(1), 36-46.
- Kaviza, M. (2019). Motivasi Intrinsik dalam Kalangan Murid Tingkatan Empat yang Mengambil Mata Pelajaran Sejarah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4 (31), 215-224.
- Kaviza, M., Fauziah Abdul Rahim, & Nurliyana Bukhari. (2018). Aplikasi Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Mata Pelajaran Sejarah dan Hubungannya dengan Motivasi Instrinsik: Satu Kajian Korelasi. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 33(1), 95-108.
- Krejcie, V.R., & Morgan, W.D. (1970). *Determining Sampel Size for Research Activities, Educational and Psychological Measurement*. Duluth: University of Minnesota.
- Mohd Uzir Zubir, Rohaidah Kamaruddin & Sharil Nizam Sha'ri. (2017). Motivasi dan sikap terhadap pembelajaran bahasa melayu murid tingkatan satu (Junior one loyalty), Sekolah Menengah Persendirian Kwang Hua. *Jurnal Kesidang*, 3, 82-91.
- Mok, S.S. (2008). *Psikologi Pendidikan untuk Pengajaran dan Pembelajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Noriati A. Rashid, Boon, P.Y., & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2009). *Murid dan Alam Belajar*. Selangor: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Norlia Abd Aziz, T. Subahan M.Meerah, Lilia Halim & Kamisah Osman. (2006). Hubungan antara motivasi, gaya pembelajaran dengan pencapaian matematik tambahan pelajar tingkatan 4. *Jurnal Pendidikan*, 31, 123-141.
- Nunnally, J.C. (1978). *Psychometrie Theory* (2nd ed.). New York: McGraw Hill.
- Omardin Haji Ashaari & Yunus Muhammad. (1996). *Kaedah Pengajaran Sejarah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributor Sdn Bhd.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Reid, J. (1984). Perceptual Learning Style Preferences of ESL Students. *TESOL Quarterly*, 21, 87-111.
- Sivapakkiam Ramasamy, Fadzilah Abd. Rahman, Umi Kalthom Abdul Manaf & Rozita Radhiah Said. (2018). The Inculcation of Higher Order Thinking Skills in History Subject through the application of multiple Intelligence Theory. *International Journal of Academic Research in Progresive Education & Development*, 7(4), 51-59.
- Woolfolk, A. E. (1998). *Educational psychology* (3rd ed). New Jersey: Prentice Hall Inc.